

Politik Thailand bergolak lagi

Usul undang-undang pengampunan, pindaan Perlembagaan cetus krisis

Tanggal 25 November 2013 menyaksikan demonstrasi besar-besaran di ibu kota Thailand, Bangkok. Dikhabarkan 30,000 penunjuk perasaan membawa potret Raja Bhumibol Adulyadej dan Ratu Sirikit bersama bendera Thailand, berarak ke markas tentera. Mereka juga dilaporkan berjaya menguasai sebahagian Kementerian Kewangan dan Kementerian Luar Thailand.

Demonstrasi pembangkang ini bukan saja berlaku di Bangkok, malah di seluruh Thailand yang bermula sejak awal bulan ini. Ia bertujuan menjatuhkan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Yingluck Shinawatra. Namun kelmarin, Yingluck mudah mengatasi undi tidak percaya di Parlimen selepas majoriti anggota dewan memihak kepadanya.

Dituduh jadi boneka

Yingluck dituduh pihak pembangkang, terutama daripada Parti Demokratik, menjadi boneka kepada abang beliau iaitu bekas Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra yang kini dalam buangan selepas digulingkan melalui rampasan kuasa tentera pada 2006.

Demonstrasi ini adalah yang terbesar sejak demonstrasi besar 'Baju Merah' (golongan pro-Thaksin) pada 2010 yang mengorbankan lebih 90 orang awam. Krisis politik terkini adalah rentetan daripada yang berlaku sebelum ini, iaitu yang bersangkutan dengan krisis Perlembagaan Thailand selain kontroversi yang menyelubungi undang-undang pengampunan yang ingin diperkenalkan oleh kerajaan parti Pheu Thai pimpinan Yingluck.

Kegagalan kerajaan mendapatkan sokongan ke atas kedua-dua perkara berkenaan menyebabkan pihak pembangkang mengambil kesempatan menggulingkan kerajaan Pheu Thai.

Ramai pemerhati dan media antarabangsa melihat krisis ini berpunca daripada tindakan kerajaan mengusulkan undang-undang pengampunan yang ingin diperkenalkan kerajaan. Undang-undang pengampunan ini akan membolehkan pengampunan diberikan kepada Thaksin untuk pulang ke Thailand dan mengetepikan pertuduhan rasuah dan salah guna kuasa kepada beliau.

Malah, pengampunan juga diberikan kepada pemimpin parti Demokratik iaitu bekas Perdana Menteri, Abhisit Vejjajiva dan Timbalannya, Suthep Thaugsuban, untuk bebas daripada pertuduhan membunuh, sebagai pemimpin kerajaan yang bertanggungjawab mengarahkan campur tangan tentera dalam krisis politik berdarah pada 2010.

Cadangan Yingluck untuk memberikan pengampunan kepada Abhisit dan Sutep juga ditentang oleh pemimpin dan penyokong kerajaan Parti Pheu Thai yang menolak keputusan kerajaan itu. Pada 12 November lalu, Dewan Sehat Thailand menolak usul memperkenal-

kan rang undang-undang pengampunan itu.

Tindakan itu menyebabkan pihak kerajaan mengusulkan pindaan perlembagaan supaya semua ahli Senat haruslah dipilih melalui pilihan raya sebagai mana Senat yang wujud pada era sebelum rampasan kuasa pada 2006. Perlembagaan baru Thailand yang diperkenalkan oleh tentera pada 2007 membenarkan sebahagian daripada ahli Senat dipilih melalui lantikan terus, hanya sebahagian sahaja dipilih melalui pilihan raya.

Kerajaan Yingluck menganggap perlembagaan Thailand adalah tidak demokratik dan perlu dipinda. Sokongan kuat majoriti masyarakat Thai, khususnya golongan miskin di bandar dan penduduk luar bandar membolehkan Senat dikuasai Parti Pheu Thai sekiranya pemilihan dilakukan secara pilihan raya.

Parti Demokratik yang mendapat sokongan pendudukan bandar, khususnya golongan kelas menengah atas di Bangkok berasa terancam dengan usul pindaan perlembagaan itu, lantas melancarkan kempen serta usul mengharamkan Parti Pheu Thai.

Pada 20 November lalu, Mahkamah Perlembagaan menolak usul pindaan perlembagaan oleh Parti Pheu Thai dan juga menolak usul Parti Demokratik untuk mengharamkan parti Pheu Thai. Penolakan ini melemahkan Kerajaan Thailand dan dalam masa sama, membimbangkan Abhisit dan Sutep kerana pertuduhan membunuh mereka kekal.

Tanda kemarahan rakyat

Oleh itu, Sutep sudah mengambil kesempatan untuk mengetuai demonstrasi besar-besaran menjatuhkan kerajaan sebagai tanda kemarahan rakyat kepada kerajaan Yingluck yang mengusulkan undang-undang pengampunan dan pindaan perlembagaan tadi. Apa yang pasti, krisis politik ini akan membawa kepada kebuntuan politik.

Disebabkan pihak tentera dan polis di Thailand menunjukkan sokongan kepada parti politik tertentu, Raja Bhumibol adalah orang yang paling layak merungkai permasalahan politik di Thailand kini. Namun, oleh kerana Raja Bhumibol masih menghadapi masalah kesihatan, sudah pasti pihak istana tidak dapat menjadi orang tengah bagi menyelesaikan masalah politik ini.

Realiti politik di Thailand kini memperlihatkan pengaruh Thaksin masih kuat dan Parti Pheu Thai yang masih mempunyai mandat sehingga 2015 sangat popular dan akan memenangi setiap pilihan raya. Maka, tiada cara lain bagi merungkai krisis politik di Thailand ini melainkan permuafakatan politik diwujudkan antara pihak yang bertelagah.



Penulis

ialah Dekan Pusat Pengajian
Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia



**DR MOHD
AZIZUDDIN
MOHD SANI**

azizuddin@uum.edu.my